



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR *EARLY CHILDHOOD EDUCATION***

**19 NOVEMBER 2016 (SABTU)
3.00 PETANG
INSTITUT AMINUDDIN BAKI, GENTING HIGHLANDS,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Pendahuluan

1. Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam **Seminar *Early Childhood Education* Hulu Selangor 2016** pada hari ini. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Pengelola iaitu Perwani Parlimen Hulu Selangor, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) atas inisiatif menganjurkan seminar ini.

2. Gabungan pelbagai pihak membabitkan PERWANI Hulu Selangor bersama KEMAS, Tadika PERPADUAN, Prasekolah KPM dan Permata Negara adalah satu usaha terbaik untuk menyampaikan ilmu pengetahuan yang bermakna kepada semua. Tahniah kepada Komuniti PERWANI 1Malaysia Hulu Selangor yang memainkan peranan penting dalam usaha-usaha pembangunan kanak-kanak di peringkat akar umbi. Ini selari dengan hasrat penubuhannya di mana PERWANI bertindak sebagai agen transformasi serta menjadi mata dan telinga kerajaan dalam pembangunan Negara. Sejak pelancarannya pada 17 Mac 2013 sehingga kini, seramai 12,816 kumpulan telah ditubuhkan dengan keahlian seramai 168,523 orang.

3. Kita sedar bahawa dalam dunia tanpa sempadan hari ini dan dalam usaha untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020, persaingan yang wujud bukan lagi bersifat

lokal tetapi global. Jika kita ingin menjadi sebuah negara maju yang kompetitif di peringkat antarabangsa, modal insan yang kita lahirkan melalui institusi persekolahan mestilah mampu menjadi pesaing di peringkat global. Oleh itu, kualiti pendidikan kita juga mesti dinilai berdasarkan penanda aras antarabangsa. Saya yakin usaha-usaha transformasi pendidikan pasti menjadi lebih efisien apabila kepakaran daripada semua peringkat pendidikan dapat digembleng secara lebih menyeluruh bagi menghasilkan satu lonjakan berganda dalam pendidikan negara bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak hinggalah ke peringkat lepasan universiti.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Pendidikan Awal Kanak-kanak di Malaysia

4. Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan utama dalam perkembangan psikologi dan intelektual anak-anak kecil ini. Kajian menunjukkan bahawa tahun-tahun awal dalam kehidupan seseorang kanak-kanak adalah penting dalam perkembangan mental, emosi, sosial dan rohani. Kita bersyukur kerana kerajaan telah menjadikan program pendidikan awal dan asuhan kanak-kanak serta aktiviti pembangunan berkaitan prasekolah sebahagian daripada agenda utama negara sejak tahun 2000 apabila kerajaan menandatangani Deklarasi Pendidikan untuk Semua (Education for All) di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

5. Alhamdulillah saya amat gembira melihat perkembangan pendidikan awal kanak-kanak di negara ini. Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak digubal dengan matlamat untuk memberi asuhan dan didikan awal yang berkualiti serta menyediakan peluang

pembelajaran yang dapat merangsang minda kanak-kanak dalam lingkungan umur lahir hingga 4 tahun. Kurikulum ini memberi fokus kepada pertumbuhan dan perkembangan holistik kanak-kanak daripada aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

6. Bagi meningkatkan pembangunan kanak-kanak secara holistik, strategi untuk menambah baik pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak memberi fokus kepada kualiti penjagaan, kebolehpercayaan, kemampuan bayar dan akses kepada pusat jagaan kanak-kanak di samping kompetensi guru dan pengasuh yang ditingkatkan melalui latihan khusus dan profesional. Kolaborasi antara pusat jagaan kanak-kanak, iaitu di rumah, institusi, komuniti dan tempat kerja pula ditingkatkan untuk berkongsi amalan terbaik manakala dasar dan peraturan berkaitan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak akan dikaji semula. Fungsi *National Child Care Development Research Centre (NCDRC)* turut diperluas untuk melaksanakan kajian impak, mengenal pasti kanak-kanak pintar dan berbakat, mengintegrasikan pangkalan data berkaitan kanak-kanak serta menyediakan latihan dan pembangunan.

7. Kita harus ingat bahawa ilmu dan pencapaian akademik menjadi keperluan amat penting untuk meletakkan diri kita seiring evolusi zaman. Namun, dalam meniti arus kemodenan pada hari ini, sebahagian besar ibu bapa bekerja keras sehingga waktu terluang bersama-sama keluarga menjadi sangat terhad. Keadaan ini secara tidak langsung akan memberi kesan dalam rangsangan perkembangan otak kanak-kanak tersebut. Oleh yang demikian, terdapat ibu bapa yang berusaha mencari tempat yang terbaik buat anak-anak mereka sejak dari kecil lagi.

Akses Kepada Pendidikan Prasekolah

8. Sesuatu yang amat menggembirakan kita sebagai ibu bapa apabila dapat melihat anak-anak sekecil usia di bawah 4 tahun di negara ini tanpa mengira latar belakang mendapat akses terhadap pendidikan berkualiti. Dengan kerjasama erat semua agensi termasuk pihak swasta, diharapkan akses kepada pendidikan prasekolah akan dapat disediakan kepada semua kanak-kanak.

9. Oleh kerana pendidikan prasekolah telah diberikan keutamaan oleh kerajaan, justeru, dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025**, akses kepada pendidikan berkualiti diletakkan sebagai Anjakan Pertama, menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan amat serius dalam usaha memastikan tidak ada kanak-kanak termasuk prasekolah ketinggalan atau tercicir daripada mendapat pendidikan. Ia juga seiring dengan hasrat Kementerian saya untuk mencapai matlamat bagi perjanjian *United Nation Covention on the Rights of the Child (CRC)* dan Pendidikan Untuk Semua UNESCO. Dari segi enrolmen prasekolah, peningkatan pencapaian kepada 85.25 peratus dapat dilihat pada 2016, berbanding dengan 80.2 peratus pada 2012. Namun, usaha terus dilipatgandakan bagi memastikan anak-anak kita mendapat pendidikan awal berkualiti mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu 100 peratus pada tahun 2020.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Lonjakan Kualiti Pendidikan Awal Kanak-kanak

10. Kita amat berbangga kerana pada tahun ini, pihak UNESCO menawarkan Malaysia sebagai hos **Forum Dasar Asuhan dan**

Pendidikan Awal Kanak-kanak Rantau Asia Pasifik atau ringkasnya **APFEC 2016** yang menjadi platform untuk kerajaan mengetengahkan kemajuan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia kepada dunia luar khususnya negara serantau Asia Pasifik. **APFEC 2016** bertujuan merangka strategi inovatif ke arah meningkatkan kualiti asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak dengan menumpukan perbincangan dari pelbagai aspek.

11. Melalui APFEC 2016, kita dapat berkongsi pengalaman dengan pelbagai agensi yang menyediakan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia serta perkongsian pintar dengan sektor swasta. Ini menjadi titik tolak kepada usaha negara di rantau Asia Pasifik mencapai matlamat Sasaran Pembangunan Mapan (SDG) 4.2 yang dimeterai pada Sidang Kemuncak Pembangunan Mapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada September 2015.

12. Kerajaan juga menerusi Kementerian saya dan UNICEF telah menganjurkan Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kerjasama Selatan-Selatan Mengenai Hak Kanak-Kanak di Asia Pasifik kali ketiga (HLM3) yang membawa tema “**A Billion Brains—Smarter Children, Healthier Economies**” baru-baru ini. Mesyuarat yang menemukan 300 orang wakil kanan dari 26 buah negara Asia Pasifik ini menjadi platform kepada Malaysia dalam mencari kaedah baharu menangani pelbagai isu mengenai hak kanak-kanak termasuk hak mendapatkan pendidikan seawal usia kanak-kanak. Ini merupakan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kanak-kanak Malaysia dapat membesar dalam keadaan sihat dan terbaik seiring dengan suasana yang kompetitif sekarang.

13. Kita juga harus berbangga dengan program **Permata Negara** (Permata) yang bermula sejak 10 tahun lalu di bawah pengurusan Jabatan Perdana Menteri dengan menyediakan pendidikan awal berkualiti untuk kanak-kanak mengikut ketetapan *Sustainable Development Goal* (SDG) 4.2, menerusi tujuh program utama iaitu Permata Negara, Permata Pintar, Permata Insan, Permata Seni, Perkasa Remaja, Permata Kurnia dan Hospital Pakar Kanak-kanak Permata. Selaras dengan itu, **Persidangan Antarabangsa Permata 2016** telah membincangkan kaedah membentuk kanak-kanak pada hari ini bagi memastikan kejayaan mereka pada masa hadapan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Perkembangan Pendidikan Prasekolah

14. Dalam tempoh lima tahun sehingga 15 November 2016, sebanyak 85.25 peratus iaitu sejumlah 862,352 orang kanak-kanak berumur 4 dan 5 tahun keatas berdaftar di prasekolah iaitu 48.2 peratus kanak-kanak berdaftar di prasekolah awam, manakala 51.8 peratus kanak-kanak berdaftar di prasekolah swasta. Manakala bagi kanak-kanak di bawah 4 tahun, kadar enrolmen pendaftaran di taska berdaftar JKM sehingga 31 Oktober 2016 ialah 82,107 orang di 4,342 taska.

15. Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha kerajaan meningkatkan bilangan kelas prasekolah, menyediakan Geran Permulaan Prasekolah Swasta, menggalakkan pendaftaran prasekolah swasta, menyediakan bantuan yuran prasekolah swasta, meningkatkan penyampaian pendidikan prasekolah, menambah bilangan prasekolah bagi kanak-kanak berkeperluan khas dan pendidikan inklusif serta meningkatkan kemahiran guru prasekolah.

16. Pada hemat saya, dalam era perkembangan ICT yang sentiasa dinamik dan berubah dengan begitu pantas, anak-anak ini juga perlu dididik dengan teknologi mengikut zaman mereka. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran murid akan merangsang minda mereka untuk meneroka ilmu yang lebih luas seiring dengan pelaksanaan pendidikan **Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM)**.

17. Adalah menjadi harapan saya agar Institut Pendidikan Guru dapat menawarkan kursus-kursus pengajian Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak kepada pelajar selain tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia. Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta juga perlu giat berkempen untuk menawarkan kursus-kursus pengajian dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak di peringkat Diploma sehingga Ijazah Kedoktoran.

18. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas atas kejayaan penganjuran seminar pendidikan yang akan berlangsung sepanjang hari ini. Sama-samalah kita berusaha memastikan pendidikan negara terus berkualiti selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai pusat ketamadunan dan kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia.

Maka dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **Seminar Early Childhood Education bagi tahun 2016**.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.